

Jurnal Kinabalu V(1999) 200-202

MALAYSIAN POLITICS UNDER MAHATHIR

Penulis: R.S Milne & Diane K. Mauzy

Penerbit: Routledge, LONDON.

ISBN: 0-415-17143

*Wan Shawaluddin Wan Hassan**

Buku bertajuk *Malaysian Politics Under Mahathir* (1999) merupakan buku yang ditulis bersama oleh R.S Milne dan Diane K. Mauzy, dua sarjana sains politik tersohor dari Jabatan Sains Politik, Universiti British Columbia, Kanada. Sebelum ini kedua sarjana ini telah menghasilkan *Politics and Government in Malaysia* (1978) dan *Malaysia, Tradition, Modernity and Islam* (1983) dan Mauzy sendiri telah menulis *Barisan Nasional Coalition Government in Malaysia* (1983). Buku-buku serta puluhan makalah yang telah tersiar dalam jurnal antarabangsa membuktikan pengetahuan serta kesarjanaan mereka tentang Malaysia tidak boleh disangsi dan dipertikaikan lagi walaupun penulisan mereka mengikut perspektif Barat.

Buku ini terdiri dari lapan bab tidak termasuk pengenalan dan poskrip. Bab-bab yang dikemukakan penulis terdiri dari; bagaimana Mahathir muncul berkuasa, pengukuhan kuasa eksekutif Mahathir, pembangunan dan ekonomi, mengekang masalah etnik, hak asasi manusia, dasar luar, pengganti Mahathir: Anwar Ibrahim dan Mahathir sebagai Perdana Menteri. Sesungguhnya, kesemua bab yang ditulis relevan dengan kepemimpinan Mahathir. Lebih dari itu, kedua-dua penulis berpeluang untuk mengikuti perkembangan terkini yang berlaku dalam konteks politik domestik terutama yang berkaitan dengan penyingkiran Anwar Ibrahim serta perkembangan yang berlaku selepas itu (buku ini selesai

* Wan Shawaluddin Wan Hassan ialah Pensyarah dan Penyelaras Program Hubungan Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial, UMS

ditulis pada tahun 1998). Ini sudah tentu merupakan daya tarikan bagi pembaca untuk membaca analisis yang dibuat oleh sarjana luar tentang perkembangan politik tanahair.

Dalam penulisan buku ini kedua-dua penulis banyak bergantung kepada sumber-sumber sekunder seperti akhbar, makalah serta buku rujukan yang lain. Di samping itu, penulis juga turut membuat temuramah dengan beberapa ahli perniagaan, tokoh akademik dan politik serta turut menemui anggota kabinet Dr Mahathir sendiri (nama mereka terpaksa dirahsiakan disebabkan keselamatan politik). Antara tokoh-tokoh yang ditemuramah ialah Tunku Abdul Rahman, Tan Sri Musa Hitam, Datuk Leo Moggie dan Tan Sri Sanusi Junid. Namun malangnya, kedua-dua penulis gagal untuk menemuramah Dr Mahathir Mohammad sendiri, iaitu tokoh yang dikaji dalam buku ini. Walaupun penulis pernah membuat temuramah dengan Dr Mahathir tetapi ia dibuat pada tahun 1970-an satu tempoh yang tidak memungkinkan penulis untuk mendapat bahan terkini dari tokoh yang dikaji.

Seterusnya, Milne dan Mauzy ternyata agak kritikal dalam membincangkan beberapa isu. Antara isu yang ditimbulkan misalnya bagaimana di negara ini menjadi satu trend untuk melantik Ketua Turus Angkatan Tentera dari kalangan mereka yang ada kaitan dengan Perdana Menteri atau pertalian keluarga. Ini merupakan satu generalisasi yang salah kerana kecuali Tan Sri Hashim Mohd Ali, Ketua Turus Angkatan Tentera yang lain tidak ada kaitan langsung dengan Perdana Menteri. Malah sewaktu Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, nama Jaafar Onn, iaitu adiknya pernah dikaitkan bakal menjadi Ketua Turus Angkatan Tentera tetapi ini menjadi tidak kenyataan.

Dalam membincangkan tentang isu hak asasi manusia pula, Milne dan Mauzy juga seperti sarjana Barat lain mengikut kaca mata Barat untuk mengukur pelaksanaan hak asasi manusia di negara ini. Komen Milne dan Mauzy, ‘.....pelanggaran hak asasi manusia tidak timbul dari kekurangan kawalan undang-undang kerajaan dan peraturan, atau kerajaan bukan satu-satunya badan mampu melaksanakan kuasa. Hakikatnya ialah kerajaan, termasuk Perdana Menteri, tidak menetapkan prioriti utama terhadap hak asasi manusia.’ Malah tambah

mereka berdua, kerajaan lebih memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi dan kestabilan. Lalu tidak hairan jika mereka cukup kritikal sekali dengan peristiwa Operasi Lalang 1987, isu orang Penan, pilihanraya dan kebebasan berucap di negara ini.

Berbanding dengan *Paradoxes of Mahathirism* (1995) yang ditulis oleh Khoo Boo Teik, analisis Khoo jauh memperlihatkan kematangan dibandingkan dengan Milne dan Mauzy. Ini berkemungkinan kerana *Paradoxes* merupakan hasil kajian peringkat PhD yang sudah tentu agak komprehensif sifat kajiannya berbanding buku Mine dan Mauzy. Malah Milne dan Mauzy cukup ketara, banyak sekali bergantung dan merujuk *Paradoxes*. Khoo dalam analisisnya kelihatan berjaya mencuit minda intelek pembaca dengan kritik serta pujian tentang Mahathir menyebabkan pembaca yang setia tidak akan mahu meninggalkan buku sehingga habis dibaca. Sebaliknya analisis Milne dan Mauzy kelihatan agak bersahaja dan mendatar dan kelihatan terlalu ringkas pada bahagian-bahagian tertentu. Ini sepatutnya tidak timbul memandangkan mereka berdua telah dikenali ramai serta telah dianggap sebagai pakar tentang Malaysia. Satu contoh menunjukkan cara penulis menulis dengan ringkas ialah tentang dasar Luar, satu kenyataan yang sememangnya diketahui tentang Mahathir. Dalam bab ini penulis memberi tumpuan terhadap beberapa isu seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, ASEAN, APEC-EAEC, ASEM, WTO, dasar terhadap kuasa besar, Mahathir sebagai juara Selatan dan cara Mahathir mengendalikan pertelingkahan antarabangsa. Penulis tidak menulis dengan panjang lebar, barangkali kerana sememangnya buku ini tidak berniat untuk memberi tumpuan kepada dasar luar. Pun begitu memandangkan penulis telah memasukkannya sebagai satu bab dalam buku ini tidak timbul soal ini dibiarkan begitu sahaja, apatah lagi kerana dasar luar sememangnya merupakan bidang yang diberikan tumpuan oleh Mahathir.

Secara keseluruhan buku ini penting dan harus menjadi bacaan wajib bagi pengkaji yang berminat mengkaji tentang politik Malaysia atau tentang ketokohan dan peranan Mahathir dalam politik. Segala kekurangan yang terdapat dalam buku ini barangkali boleh dimaafkan dan dikomplimentari dengan membaca buku-buku lain berkenaan Mahathir.